

SPEAK UP@PTAR WITH MS. MARNI JAMIL

16 JUN 2023

Disediakan oleh: Rafidah Muhamad Sam

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS PERMATANG PAUH, PULAU PINANG



Pada 16 Jun 2023 yang lalu, PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTMCPP) Kampus Permatang Pauh telah mengadakan Program Speak Up@PTAR with Ms. Marni Jamil, Pensyarah Akademi Pengajian Bahasa. Ianya telah dilaksanakan di ruang Library Community Engagement, PTAR UiTMCPP selama 2 jam bermula 8.00 pagi.

Program ini bertujuan untuk menghidupkan budaya keilmuan dan intelektual di peringkat universiti dengan menyediakan pentas kepada warga kampus terutama mahasiswa bagi menyampaikan pendapat mereka mengenai topik yang diutarakan oleh Cik Marni Jamil selaku fasilitator. Selain itu, ia juga dapat melatih peserta bercakap dengan tatabahasa, susunan ayat dan sebutan yang betul di hadapan penonton.

Seramai 16 orang pelajar telah mengambil bahagian dalam program ini dengan penyampaian pidato dari pelbagai topik selama 3 minit setiap seorang. Secara keseluruhannya melalui aktiviti ini, ia dapat membantu mahasiswa secara khususnya berkongsi pendapat mereka secara berhemah dan berdasarkan fakta.

